

21 FEB 2003

NAM-Syed Hamid (OIC)

QATAR JEMPUT PERDANA MENTERI HADIR SIDANG TERGEMPAR OIC

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Qatar sudah menghantar surat menjemput Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menghadiri mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC) yang dijadual berlangsung pada 4 dan 5 Mac ini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata rakan sejawatannya dari Qatar, Ahmed Abdullah Al-Mahmoud menyerahkan jemputan itu pada pertemuan mereka di sini semalam.

Syed Hamid berkata beliau sudah memaklumkan perkara itu kepada Dr Mahathir, namun belum dapat mengesahkan kehadiran Perdana Menteri ke mesyuarat di Doha itu.

"Saya sudah beritahu Perdana Menteri. (Namun) Perdana Menteri sedang bercuti ketika itu. Saya minta dia supaya dapat hadir ke persidangan itu sebab banyak negara OIC minta dia turut serta," katanya pada sidang media selepas mengadakan perjumpaan dengan Menteri Luar Equador, Nina Pacari Vega, yang mengetuai delegasi negara itu ke Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) Ke-13 yang sedang berlangsung di sini.

Perdana Menteri dijangka akan bercuti selama dua bulan mulai Mac.

Syed Hamid berkata dalam pertemuan dengan Menteri Luar Qatar, Malaysia sekali lagi memberi jaminan bahawa cadangan mesyuarat OIC pada 26 Feb ini di sini merupakan mesyuarat tidak formal yang akan membincangkan isu-isu keamanan yang akan memberi kesan secara langsung kepada negara-negara OIC sendiri.

"Kita tidak punyai masalah untuk sokong sidang tergempar di Doha itu selepas perbincangan tidak formal di Kuala Lumpur. Kita dapat banyak sokongan daripada negara-negara OIC untuk adakan perbincangan tidak formal itu. Kebanyakan mereka minta Perdana Menteri hadir," katanya.

Beliau berkata Malaysia melihat perjumpaan tidak formal di sini penting untuk negara-negara OIC bertukar pandangan serta memberikan input terhadap pelbagai isu di dunia hari ini.

Katanya negara-negara OIC akan terus terpinggir jika mereka terus berdiam diri terhadap pelbagai perkara yang mempunyai impak secara langsung terhadap mereka.

"Negara-negara OIC tidak seharusnya merasa terpinggir dan kita melihat seharusnya kita dapat memainkan peranan sewajarnya memberikan input kita untuk melihat keamanan diguna sebagai pendekatan menyelesaikan apa juga pertelingkahan (atau) peperangan yang hanya akan membawa masalah," katanya.

Sebanyak 50 daripada 57 negara anggota OIC merupakan anggota NAM.

Syed Hamid berkata kerajaan juga sudah menghantar surat jemputan kepada negara OIC yang bukan anggota NAM untuk menghadiri mesyuarat tidak formal itu.

Katanya soal jumlah penyertaan bukan perkara dasar yang dipentingkan dalam perjumpaan itu kerana ia lebih merupakan perjumpaan tidak formal dengan pemimpin kerajaan hanya bertukar pendapat dan bukannya satu sidang kemuncak.

"Kita tidak akan buat apa-apa kenyataan atau pernyataan. Ia lebih kepada perjumpaan tidak rasmi, hanya untuk lihat pendirian negara anggota. Kita cuma ambil peluang kehadiran mereka pada sidang NAM," katanya.

Sementara itu, merujuk kepada pertemuannya selama kira-kira 30 minit dengan Menteri Luar Equador, Syed Hamid berkata Equador telah menyatakan keinginan mereka untuk memperolehi pelbagai bantuan dari Malaysia.

Beliau berkata antaranya, negara itu berminat mempelajari cara Malaysia

membangunkan penanaman kelapa sawit, pembangunan tanah dan bidang teknologi komunikasi dan maklumat (ICT).

Katanya dalam pertemuan itu beliau telah menyatakan bahawa negara-negara Amerika Latin perlu menjamin kestabilan politik di rantau itu sekiranya mereka berhasrat untuk terus maju.

-- BERNAMA
AZH MFJ RHM